



MODUL

PDPR

BAHASA MELAYU

TAHUN 6

UNIT 18 BERSYUKURLAH

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_

 SUMBER  
PENDIDIKAN.COM

# UNIT 18 BERSYUKURLAH

## Citra Pendidik

(tulis ayat berdasarkan gambar)



1. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

6. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

## Utamakan Barangan Buatan Malaysia

Buat rumusan

Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengacara Majlis, para hakim yang arif lagi bijaksana dan yang saya kasihi warga SJKC Baling.

Hadirin yang saya muliakan,

Berdirinya saya di pentas ini untuk menyampaikan pidato yang bertajuk, “Utamakan Barangan Buatan Malaysia”. Sebelum hujah saya utarakan, izinkan saya menghuraikan dan membuka minda warga dewan ini tentang maksud tersurat dan tersirat pidato ini. Merujuk *Kamus Dewan* edisi keempat pada halaman 1785, “mengutamakan” bermaksud menganggap lebih penting daripada yang lain. Barangan buatan Malaysia bermaksud sesuatu produk yang dikeluarkan oleh negara kita.

Hadirin yang saya hormati,

Ayuh, kita menghayati hujah-hujah saya ini! Kerajaan Malaysia menggalakkan kita membeli barangan buatan tempatan. Mengapa? Jawapannya, banyak faedah yang akan diperoleh jika kita menyokong dan membeli barangan keluaran tempatan. Kita dapat menyejahterakan warga Malaysia dan merancakkan ekonomi negara.

Seterusnya, kita mestilah mengutamakan barangan Malaysia kerana barangan kita bermutu tinggi. Barangan tersebut bersesuaian dengan cuaca dan sosiobudaya tempatan selain berkualiti dan tahan lama jika dibandingkan dengan produk yang diimport.

Selain itu, kita dapat membantu ekonomi negara. Wang yang digunakan untuk membeli barangan buatan Malaysia tidak mengalir ke luar negara. Oleh hal yang demikian, ekonomi negara kita sentiasa stabil.

Di samping itu, kita dapat membeli barangan dengan harga yang murah. Kita dapat menjimatkan wang saku. Wang lebihan itu dapat disimpan demi masa depan untuk membeli peralatan sekolah dan seumpamanya.

Kesimpulannya, kita perlulah \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## Pengorbanan Wira Negara

Bina karangan berdasarkan gambar

Pada minggu lepas, Imran dan kawan-kawannya menonton tayangan video tentang Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Selain mempertahankan negara, mereka juga menghulurkan bantuan kepada masyarakat.



berkumpul

bersedia



berpindah

membantu

Dalam tayangan tersebut, \_\_\_\_\_

---

---

---

---



memasak

bergotong-royong



mencuci

mendirikan

---

---

---

---

Imran dan kawan-kawannya bertepuk tangan sambil bersorak riang selepas menonton tayangan itu. Mereka berasa sungguh bangga akan pengorbanan wira negara.

## Kita sudah Berjaya (bina ayat menggunakan kata hubung)

Penduduk membawa alatan	cangkul, penukul, paku, kayu dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"><li>lalu</li><li>seperti</li><li>sambil</li><li>manakala</li><li>tatkala</li><li>dengan</li><li>untuk</li></ul>
Seterusnya, ketua kampung berdiri	memberikan taklimat	
Selepas itu, mereka mula bekerja	tekun	
Ada yang ditugasi	membancuh simen	
Izuni menyediakan minuman	Iffah menyiapkan makanan	
Akhirnya, pondok keselamatan itu berjaya disiapkan	menjelang tengah hari	
Setelah kerja selesai, penduduk kampung berehat	menikmati hidangan	

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---